

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN
[MASJID TANAH]**

TARIKH : 17 JUN 2015

SOALAN : 33

Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian akan meneruskan untuk melaksanakan pembinaan jana kuasa nuklear dalam tempoh 2025-2035 sedangkan potensi-potensi penjimatan tenaga dan tenaga boleh baharu masih belum diterokai sepenuhnya lagi pada masa sekarang sehingga menjelang tempoh masa berkenaan.

**JAWAPAN: (YB DATO' MAH SIEW KEONG, MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah melaksanakan dasar mempelbagaikan bahan api bagi penjanaan elektrik untuk memastikan keselamatan tenaga, atau dengan izin, *energy security*, serta kemapanan sistem bekalan elektrik negara bagi jangka masa panjang. Selain penjanaan berasaskan hidro, sumber bahan api gas dan arang batu, Kerajaan juga mengoptimumkan penggunaan Tenaga Boleh Baharu (TBB) di samping merangka tindakan strategik dalam pelaksanaan aktiviti kecekapan tenaga. Kerajaan juga telah mengenal pasti potensi penjanaan berasaskan TBB dengan beberapa peratusan campuran kapasiti yang telah disasarkan menjelang tahun 2050.

Di samping itu, Kerajaan juga telah membangunkan dengan izin, *National Energy Efficiency Action Plan (NEEAP)* yang bertujuan untuk mempercepatkan lagi pelaksanaan program-program kecekapan tenaga dengan kos yang lebih efektif. NEEAP mengandungi program-program yang telah dikenal pasti di bawah *National Energy Efficiency Master Plan (NEEMP)* serta program-program baru selaras dengan perkembangan teknologi dan amalan industri semasa tanpa melibatkan penggubalan akta baru. Adalah dijangkakan bahawa melalui pelaksanaan NEEAP, peratus penjimatan permintaan puncak atau maximum demand, dengan izin, yang dijangka pada tahun ke-10 pelaksanaannya ialah sebanyak 8%, bersamaan dengan 1,890MW. Anggaran pengurangan kapasiti penjanaan yang boleh dielakkan ialah sebanyak 2,500MW.

Sungguhpun potensi-potensi di atas telah dikenal pasti, sumber-sumber lain penjanaan elektrik yang berpotensi di negara ini perlu dibangunkan secara optimum. Ini memandangkan permintaan bekalan elektrik di Semenanjung dijangka meningkat pada kadar purata 2.3% setahun untuk tempoh 2015 sehingga 2035. Dalam hal ini, kebergantungan secara berterusan kepada sumber hidro, bahan api gas, arang batu dan TBB dijangka tidak mampu untuk menampung peningkatan dalam penjanaan tenaga elektrik khususnya bagi memenuhi keperluan baseload yang mana memerlukan kuantiti penjanaan yang besar dan berterusan.

Justeru itu, Kerajaan sedang mempertimbangkan tenaga nuklear sebagai salah satu sumber tenaga alternatif jangka panjang yang dapat menampung peningkatan permintaan elektrik, khususnya bagi tempoh pasca 2025 dan kajian mengenainya sedang dilaksanakan.

Adalah ditekankan bahawa pemilihan sesuatu sumber penjanaan tenaga elektrik sama ada dari sumber tenaga nuklear, sumber TBB dan sebagainya atau melalui pelaksanaan aktiviti kecekapan tenaga semata-mata bukan merupakan penyelesaian mutlak kepada keperluan bekalan elektrik pada masa hadapan. Malah, sumber-sumber penjanaan elektrik ini dan potensi kecekapan tenaga adalah pelengkap dan bukannya pengganti dalam keseluruhan sistem pembekalan elektrik negara.

Oleh yang demikian, pelan perancangan dan pelaksanaan pembekalan elektrik perlu dibangunkan secara holistik dengan mengambil kira kesemua faktor termasuk dengan izin, *affordability*,

accessibility, *acceptability* dan *availability* sesuatu sumber termasuk pengurangan permintaan elektrik melalui program-program kecekapan tenaga. Isu kebergantungan negara terhadap bahan api fosil yang membebaskan sejumlah Gas Rumah Hijau (GHG) perlu diambil perhatian di mana penerokaan sumber baru adalah salah satu opsyen yang patut diketengahkan dalam menjamin keberterusan bekalan elektrik negara.

Sekian. Terima kasih.